

DIBUKA SELEPAS 15 OKTOBER

JAMBATAN BAHARU BATANG SADONG

MD. AZRIN ROSLY | 02 Oktober 2016 12:30 AM
Utusan Malaysia

KOTA SAMARAHAN 1 Okt. - Jambatan Batang Sadong yang terpanjang di negeri ini yang menghubungkan kawasan Sadong Jaya dengan Samarahan dan Simunjan akan dibuka selepas 15 Oktober ini bagi kegunaan orang ramai.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, meskipun terdapat banyak permintaan agar jambatan itu dibuka lebih awal, namun terdapat penambahbaikan yang perlu dibuat terlebih dahulu.

Katanya, berdasarkan laporan audit, terdapat teguran yang memerlukan sedikit penambahbaikan dari segi keselamatan pengguna dan insya-Allah selepas 15 Oktober ia dapat digunakan.

“Bagi Jambatan Batang Lutar yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebelum ini pula bakal menjadi jambatan terpanjang di negeri ini dan secara prinsipal telah diluluskan dengan kaedah perlaksanaan 50 peratus peruntukan daripada Kerajaan Pusat dan 50 peratus kerajaan negeri.

“Konsultan projek dilantik dan kita sedang memuktamadkan pelantikan beberapa lagi konsultan bagi membuat kajian impak sosial, alam sekitar dan jajaran yang sesuai bagi pembinaan jambatan berkenaan. Pada akhir 2017, dijangka proses tender dapat bermula,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar selepas mendengar taklimat Projek Jambatan Samarahan yang telah siap sebanyak kira-kira 44 peratus dan dijangka siap sepenuhnya pada Februari 2018 di tapak projek hari ini.

Yang turut hadir Menteri Muda Pengangkutan Sungai dan Keselamatan, Liwan Lagang; Ahli Parlimen Kota Samarahan, Rubiah Wang dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Zohari Akob.

Tambah Fadillah, pembinaan jambatan-jambatan itu merupakan komitmen Kerajaan Pusat dengan sokongan kerajaan negeri supaya infrastruktur jalan raya dapat dilaksanakan untuk manfaat rakyat.

“Bagi Jambatan Samarahan yang bernilai hampir RM94 juta itu dengan panjang 774 meter mengalami kelewatan sedikit ekoran masalah di tapak termasuk soal tanah dan teknikal namun telah diselesaikan yang dijangka dapat disiapkan mengikut jadual atau lebih awal lagi,” jelasnya.

Terdahulu dalam majlis lain, Fadillah bersama Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan negeri, Tan Sri Dr. James Jemut Masing merasmikan jejantas pejalan kaki yang menyediakan kemudahan untuk laluan motosikal yang pertama di Sarawak dinamakan Jambatan Ilmu bernilai RM4.5 juta di pintu masuk kampus Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).